

# KONTRIBUSI SYARIAH DALAM PEMBENTUKAN UNDANG-UNDANG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Haji Johar bin Haji Muhammad*

Ketua Pendakwa Syar'ie Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam Jalan Elizabeth 2 Bandar Seri Begawan

*Abstract: This paper aims to analyze the position in the system of sharia law in Brunei. This study is important to know the law that implemented in Brunei, which partly derived than English. Before the arrival of the British, Brunei in principle have their own Islamic law written in the Qanun Brunei, Brunei Customary Law and also has its own sharia court. But when the British came, little by little they introduced Islamic law into their own laws. Kadi Court abolished realized in 1906, when the law they kept changing. However, efforts to keep the law of Islam continues. Factors that affect the practice of Islamic law in Brunei is not only the public but also the desire of the King of Brunei. With a strong desire among government and society, Islamic law can be enforced.*

*Keywords: Islamic law, sharia concept, legal establishment.*

**Abstrak:** Tulisan ini bertujuan untuk menganalisis posisi dalam sistem hukum syariah di Brunei. Studi ini penting untuk mengenal hukum yang dilaksanakan di Brunei, dimana sebagiannya berasal daripada Inggris. Sebelum kedatangan Inggris, Brunei pada prinsipnya memiliki hukum Islam sendiri yang tertulis dalam Qanun Brunei, Hukum Adat Brunei dan juga memiliki pengadilan syariah sendiri. Tetapi ketika Inggris datang, sedikit demi sedikit mereka diperkenalkan hukum Islam ke dalam hukum mereka sendiri. Kadi Pengadilan diwujudkan pada tahun 1906 ditiadakan, ketika hukum mereka terus mengalami perubahan. Walaupun demikian, upaya untuk menjaga hukum Islam terus dilakukan. Faktor-faktor yang mempengaruhi praktek hukum Islam di Brunei tidak hanya masyarakat tetapi juga keinginan dari Raja Brunei. Dengan keinginan kuat antara pemerintah dan masyarakat, hukum Islam bisa ditegakkan.

**Kata Kunci:** hukum Islam, konsep syariah, pembentukan hukum.

## Pendahuluan

Undang-undang adalah perkara paling penting bagi mentadbir dan menyusun serta mengendalikan sesebuah negara. Boleh dikatakan undang-undang adalah segalanya. Rasulullah Saw sendiri diutus bagi melaksanakan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan Allah. Peraturan pada umumnya adalah undang-undang kecil. Dengan undang-undang juga orang atau sesuatu kumpulan boleh menguasai orang dan kumpulan lain.

Inggeris mempertahankan dan memperkukuhkan kuasa dan pengaruhnya dengan memperkukuhkan undang-undang negeri di bawah jajahannya, malah juga

selepas negari atau negara itu merdeka undang-undang itu masih menguasai negara tersebut meskipun sebahagian undang-undang itu tidak sesuai dengan aspirasi sesebuah negara bekas jajahan itu. Tidak mustahil juga kita andaikan bahwa golongan nasionalis yang kurang faham undang-undang Islam dan undang-undang asal negerinya sengaja dilatih untuk memahami dan mendalami undang-undang mereka sama ada disedari atau tidak bagi terus mempertahankan undang-undang tersebut. Ini permainan politik yang boleh saja terjadi disebabkan latar belakang permusuhan mereka terhadap Islam bagi mengekang kembalinya undang-undang Islam menguasai negara tersebut. Hal ini jelas berlaku di Turki di mana golongan nasionalis sekular yang diketuai oleh Mustapa Kamal Ataturk telah berjaya menumbangkan Kerajaan Osmaniah yang mengamalkan Islam sebagai undang-undangnya. Tumbangnyanya kerajaan Osmaniah adalah kerana mereka tidak dapat mentadbir undang-undang Islam dengan adil seperti yang dikehendaki Islam.

Berdasarkan kepada kepentingan undang-undang inilah apabila kita teliti sejarah penjajahan orang-orang Inggeris terhadap negara-negara Asia termasuk Brunei(di bawah naungan) perkara yang mula-mula mereka perkukuhkan ialah undang-undang. Mereka telah memperkenalkan undang-undang mereka secara beransur-ansur atau berperingkat-peringkat. Sebagai contoh apabila mereka berada di sesebuah negara, mereka akan membuat perjanjian dengan pemerintah itu agar setiap warganya yang melakukan kesalahan di negara itu hendaklah dihukum dengan undang-undang mereka, bukan dengan undang-undang negara itu. Di Negara Brunei Darussalam misalnya orang-orang Inggeris telah membuat perjanjian pada 1856 dan 1888, dan antara lain kandungan perjanjian tersebut memberi kuasa mentadbir undang-undang kepada pihak Inggeris. Sebagai contoh ialah seperti dalam perjanjian 1856, Inggeris diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes yang timbul daripada pertikaian dikalangan rakyat Inggeris atau yang terjadi di antara rakyat Inggeris dengan rakyat asing di Brunei Darussalam”.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Dato Mahmud Saedon Awg Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam*, (Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996), hlm.26.

Bermula dari perjanjian inilah akhirnya Brunei yang mengamalkan undang-undang berasaskan Islam dan adat Melayu melalui Hukum Qonun Brunei secara beransur-ansur telah mula menerima undang-undang Inggeris dan seterusnya pada 1906 dengan rasminya menerima Residen Inggeris dan kemudiannya mengguna pakai undang-undang Inggeris secara lebih meluas.

Dengan kelicikan yang mereka pergunakan, akhirnya mereka berjaya menguasai pentadbiran dan undang-undang di Brunei dengan menyempitkan undang-undang Islam kepada Undang-undang Keluarga saja dan sedikit perkara Jinayah yang yang dianggap kesalahan kecil.

Hal yang hampir sama berlaku di Malaysia, khususnya di Melaka. Ketika zaman kegemilangannya telah wujud undang-undang yang kaya dengan unsur-unsur Islam dan Adat Melayu Kuno iaitu Hukum Qonun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Seperti satu perancangan teliti, orang-orang Eropah ini juga telah melakukan perkara yang sama kepada Negara-negara Islam di Timur Tengah dan Di Afrika Utara seperti Mesir, Algeria, Maghribi dan lain-lain.

Adalah menjadi satu tandatanya kepada kita kenapa mereka menguasai atau menjajah negara-negara tersebut dan mengubah pula undang-undang yang sedia ada dengan memasukkan undang-undang mereka sedangkan undang-undang mereka tidak sesuai dengan masyara'at setempat. Hal ini sudah pasti mempunyai tujuan tertentu yang ada kaitan dengan permusuhan mereka terhadap Islam dan mungkin merupakan suatu perancangan teliti untuk maksud yang lebih besar.

## **Sepintas Tentang Undang-Undang dan Mahkamah Syariah Brunei**

### **1. Undang-Undang Islam dan Mahkamah Syariah**

Secara umumnya apabila sesuatu Agama atau ideologi yang diterima pakai oleh sesebuah negara akan menjadi kayu ukur kepada undang-undang dan peraturan negara itu, tidak terkecuali Uagama Islam yang diterima oleh Negara Brunei. Namun demikian agak sukar untuk memastikan sejauh mana ianya diguna pakai atau dilaksanakan diperingkat awal sehinggalah sekarang. Ini adalah kerana tiada catatan sejarah secara khusus yang mengaitkan penggunaan dan

pemakaian Undang-Undang Islam pada peringkat awal penerimaannya. Pada kebiasaannya ianya akan dilaksanakan secara beransur-ansur atau berperingkat yang tentunya bermula dari permantapan aqidah. Penghayatan Islam dan pelaksanaan undang-undangnya meningkat dan menonjol dalam zaman pemerintahan Sultan Brunei, Sultan Berkat iaitu Sultan Sharif Ali dalam Tahun 1425-1432 Masehi.<sup>2</sup>

Sebagai bukti jelas pelaksanaan undang-undang Islam di Brunei Darussalam telah berlaku ialah Brunei Darussalam telah pun mewujudkan undang-undang Islam bertulis dan diqonunkan. Setakat ini terdapat dua naskhah undang-undang Islam Brunei yang diqonunkan. Naskhah Brunei Darussalam terkenal dengan nama *Hukum Qonun Brunei*, mengandungi 96 muka surat dan boleh didapati di Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam dan salinan untuk rujukan boleh didapati di Muzium Brunei, Bil.,Ruj.A/BM/98/90. Naskhah kedua pula terkenal dengan nama *Undang-Undang dan Adat Brunei Lama (Old Brunei Law and Custom)* mengandungi 68 muka surat dan berada dalam simpanan Muzium Sarawak.<sup>3</sup>

Kandungan *Hukum Qonun Brunei* ini jelas mencakup bidang yang luas dalam pelaksanaan hukum syarac, termasuk hukum hudud dan qisas. *Hukum Qonun Brunei* mengandungi kira-kira 47 Pasal yang mana semangat keseluruhan dan kandungan hukum ini adalah sesuai dengan hukum syara'.<sup>4</sup>

Begitulah seterusnya perkembangan undang-undang Islam di Brunei sehinggalah kedatangan Inggeris pada abad ke 19. Mereka telah secara halus memasukkan budaya dan undang-undang mereka di Brunei. Mereka telah memperkenalkan undang-undang mereka secara beransur-ansur atau berperingkat-peringkat. Mereka akan membuat perjanjian dengan pemerintah itu agar setiap warganya yang melakukan kesalahan di negara itu hendaklah dihukum dengan undang-undang mereka, bukan dengan undang-undang negara itu. Di Negara Brunei Darussalam "orang-orang Inggeris telah membuat perjanjian pada 1856 dan 1888, dan antara lain kandungan perjanjian tersebut memberi kuasa mentadbir

---

<sup>2</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, *Op. Cit.*, hlm. 19.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 22.

undang-undang kepada pihak Inggeris. Sebagai contoh, dalam perjanjian 1856, Inggeris diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes yang timbul daripada pertikaian dikalangan rakyat Inggeris atau yang terjadi di antara rakyat Inggeris dengan rakyat asing di Brunei Darussalam.”<sup>5</sup>

Menurut silsilah Raja-Raja Brunei, Brunei mencapai kegemilangannya sehingga sultan Brunei yang ke sembilan iaitu Sultan Hasan yang memerintah dari Tahun 1582 hingga 1598 Masehi. Selepas kemangkatannya Brunei beransur-ansur menjadi lemah sehinggalah Brunei menjadi kecil dan dinaungi oleh British secara rasminya melalui perjanjian pada Tahun 1906.

Walaupun isi perjanjian Kerajaan Brunei-Kerajaan British Tahun 1906 itu tidak mencampuri bidang Ugama Islam, namun melalui penyusunan undang-undang pihak British telah menyelitkan juga perkara yang berlawanan dengan hukum syara’. Dengan seBab kebijaksanaan penyalurannya, tanpa disedari maksud yang berlawanan dengan perjanjian yang telah dimeteraikan itu tidak kelihatan. Apabila penyelewangan ini tidak menghadapi sebarang halangan maka perkembangannya pun terus menerus diusahakan dan rancangan untuk maksud itu satu demi satu disusun dan dijalankan. Kemudian usaha itu pula disebarikan melalui pegawai-pegawai kerajaan dan persekolahan. Sebagai misal, arak yang menjadi tegahan Islam dijadikan sajian dalam jamuan, dan undang-undang Islam diganti dengan undang-undang yang dicipta oleh manusia. Di samping itu, sesuatu yang dirancang disertai pula dengan penerangan untuk mempengaruhi jiwa orang ramai supaya memberi sokongan terhadap maksud itu.<sup>6</sup>

Bagi menghadkan lagi pemakaian undang-undang Islam, Inggeris telah mewujudkan Mahkamah Kadi atau Mahkamah Syariah yang hanya berbidang kuasa dalam hal keluarga Islam dan sedikit perkara Jinayah yang juga sebenarnya mempunyai kaitan kekeluargaan. Undang-undang ini tidak lengkap dan setengahnya dimasukkan undang-undang Inggeris sendiri. Undang-undang ini jika dikaji adalah sukar dilaksanakan kerana terlalu banyak lakuna sehingga hakim-hakim dan pegawai undang-undang terpaksa merujuk kepada kitab-kitab dan

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm.26.

<sup>6</sup> Mohd. Jamil Al-Sufri, *Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*, (Brunei: Pusat Sejarah Brunei, 1996), hlm. 1.

undang-undang lain. Keadaan ini tentu saja akan menimbulkan pelaksanaan yang berbeza. Perkara ini boleh diteliti dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi yang di buat pada 1955 yang sebenarnya adalah pengganti kepada undang-undang sebelumnya. Undang-undang tersebut hampir sama dengan undang-undang negeri-negeri di Malaysia sebelum perubahan kepada undang-undang baru yang ada sekarang. Dengan penubuhan mahkamah tersebut bertambah berpengaruh dan kukuhlah kedudukan undang-undang Inggeris dalam melaksanakan perancangannya untuk mengeneipkan undang-undang Islam agar tidak lagi menjadi undang-undang asas dan utama Negara Brunei Darussalam dan dengan cara demikian sempitlah pemakainnya. Natijah daripada perancangan Inggeris ini, undang-undang Inggeris mula mengambil tempat undang-undang Islam di Brunei Darussalam ini.<sup>7</sup>

Mahkamah Kadi yang ditubuhkan oleh Inggeris ini hanya dibenarkan mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkara-perkara kahwin, cerai dan ibadat ( khusus ) saja. Mahkamah ini juga hanya diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman yang dendanya tidak lebih daripada sepuluh ringgit dan penjara tidak lebih 14 hari saja.<sup>8</sup>

Daripada kenyataan tersebut adalah jelas bidang kuasa Mahkamah Kadi, sama ada Sipil atau Jinayah, telah disempitkan. Dalam kes-kes Sipil Mahkamah Kadi hanya mempunyai bidang kuasa mengenai undang-undang diri atau Personal Law saja. Dalam kes-kes Jinayah hanya mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada sepuluh ringgit dan penjara tidak lebih daripada 14 hari.<sup>9</sup> Annual Report on The State of Brunei juga menyebutkan beberapa kes ulang bicara diletakkan dalam bidang kuasa Residen Inggeris dalam Mahkamah Majistret Kelas 1.<sup>10</sup>

Daripada kenyataan tersebut dapatlah dipahami yang Mahkamah Majistret Kelas 1 yang mana Residen Inggeris sendiri menjadi hakimnya adalah merupakan Mahkamah Ulang Bicara bagi Mahkamah Kadi. Ini bermakna, jika terdapat pihak-

---

<sup>7</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, *Op. Cit.*, hlm. 28.

<sup>8</sup> *Annual Report on the State of Brunei*, 1933, Cap XIII, T.F. Carey M.C.S., Singapore.

<sup>9</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, *Op. Cit.*, hlm. 29.

<sup>10</sup> *Annual Report on The State of Brunei*, 1933, Cap . X111.

pihak yang tidak berpuas hati terhadap keputusan atau hukuman Mahkamah Kadi, maka mereka boleh memohon kepada Mahkamah Ulang. Bicara dan permohonan tersebut akan didengar dan diputuskan oleh Residen Inggeris atas kapasitasnya sebagai Hakim Mahkamah Permohonan. Ini bermakna hakim Inggeris lebih berwibawa dan berkuasa dalam mengendalikan kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Kadi.<sup>11</sup>

Residen Inggeris juga adalah salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat. Beliau adalah merupakan Naib Yang Di Pertua Majlis. Sebagai ahli Badan Penggubal Undang-undang, Residen Inggeris mempunyai kuasa yang cukup untuk ikut serta dalam perbicaraan (penggubalan) mengenai undang-undang Islam, atau sekurang-kurangnya memberikan pendapat tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Kerana itu bukanlah satu perkara yang menghairankan apabila beberapa sistem (prosedur) yang berasal daripada sistem undang-undang Inggeris telah dapat diserapkan ke Mahkamah Kadi. Sebagai contoh ialah prosedur dalam mahkamah. Perkara 22, Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908 menunjukkan bahwa tata cara dalam Mahkamah Kadi adalah disusun oleh Residen Inggeris. Penyusunan ini dibuat berdasarkan daripada tata cara mahkamah-mahkamah England.<sup>12</sup>

Dalam langkah dan usaha yang diambil oleh Inggeris untuk menyusun pentadbiran undang-undang Islam di Brunei Darussalam, Majlis Mesyuarat Negeri, telah beberapa kali meluluskan enakmem-enakmen mengenainya, di antaranya adalah :

- a. Pada Tahun 1911 Majlis tersebut telah meluluskan Enakmen Undang-undang Agama Islam terkenal dengan “Muhammadans Laws”. Hampir keseluruhan daripada peruntukkan dalam undang-undang ini hanya berkisar mengenai kesalahan-kesalahan mengenai ibadat dan peraturan keluarga khususnya nikah dan cerai orang-orang Islam.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, *Loc. Cit.*

<sup>12</sup> Siti Zaleha Abu Salim, “Sistem Kehakiman Brunei dan Perbandingannya dengan Sistem Kehakiman Islam”, Tesis untuk memperolehi sarjana Pengajian Islam, Fakulti pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1992, hlm. 103.

<sup>13</sup> *Laws of Brunei 1906-1930*, E. No. 1, of 1912, S.8.

- b. Enakmen berkenaan dengan nikah cerai orang-orang Islam diluluskan dalam Tahun 1913. Enakmen ini menyentuh peraturan pendaftaran perkawinan dan penceraian, sebagai menyempurnakan pelaksanaan dan pentadbiran kehendak Muhammadans Laws (1911). Enakmen ini terkenal dengan Muhammadan Marriages and Divorce Enactment.<sup>14</sup>

Proses penggubalan pentadbiran undang-undang syara' yang terakhir sebelum 1959 (sebelum Perlembagaan Negeri Brunei 1959) berlaku pada Tahun 1945 melalui enakmen-enakmen Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi. Residen Inggeris, seperti yang disebutkan dalam permulaan sebelum indeks undang-undang itu telah menjelaskan bahwa Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ini seperti berikut:

“Adalah satu undang-undang kerana menyatukan undang-undang Adat Istiadat Melayu, Mahkamah Kadi, perlembagaan dan pertubuhan pihak-pihak yang berkuasa agama dan peraturan hal-ehwal ugama”.

Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ini walaupun lebih kemas dan teratur jika dibandingkan dengan enakmen-enakmen sebelumnya, namun ia tidaklah bermakna hukum syara' dapat dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Ia masih terbatas dalam skop dan prinsip yang telah ditetapkan oleh Inggeris semasa mereka mula-mula memperkenalkan penubuhan Mahkamah Kadi dalam Tahun 1908 yang telah berhasil melahirkan dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman yang tidak seimbang, setaraf dan serasi.

Seperti yang telah dijelaskan di antara langkah pertama Residen Inggeris di Brunei Darussalam ialah bertindak menyempitkan perundangan undang-undang Islam dan dalam masa yang sama Inggeris melalui Residennya telah membawa dan memperkenalkan beberapa undang-undang yang telah berkuatkuasa dan dilaksanakan di beberapa buah tanah jajahannya seperti India dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat, seperti undang-undang kontrak, undang-undang keterangan dan qonun Jinayah.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*, E. No. 2, of 1913.



Dalam perkara mengenai “hukum akad nikah orang-orang Islam telah diakui dalam Undang-Undang No.V Tahun 1880 dan dalam pindaannya. Undang-undang itu menghendaki akad nikah dan cerai di kalangan orang-orang Islam didaftarkan dan peraturan diberikan berkenaan dengan harta wanita bersuami. Orang-orang yang berkuasa mendaftarkan nikah dan cerai ialah Kadi (dilantik oleh Gabenor ), sementara permohonan terhadap keputusan-keputusannya boleh dibuat kepada Pendaftar. Kadi berkuasa menyiasat hal-ehwal perkawinan dan menasihatkan pihak-pihak yang berkenaan dengan penyelesaian kewangan dalam perkara seperti ini dan dia boleh dikatakan mempunyai kuasa separa kehakiman. Suatu pindaan dibuat dalam Tahun 1923 (No.26, 1923). Pindaan ini menguatkuasakan hukum Islam dalam hal-hal mengenai perwarisan harta yang tidak diwasiatkan.

## **2. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah**

Seperti yang dimaklumi dalam sesuatu kehakiman, sesebuah Mahkamah tidak akan dapat berbuat apa-apa tanpa adanya bidangkuasa sama ada berdasarkan jenis kes itu sendiri atau takat jumlah kuasa yang diberikan bagi kes yang boleh dijumlahkan. Ini biasa disebut sebagai bidangkuasa dalam sesuatu kes yang hendak didengar atau dibicarakan.

Ketika orang-orang Inggeris campur tangan dalam pentadbiran Negara Brunei lebih-lebih lagi apabila Brunei telah menerima Residen Inggeris, mereka telah berjaya menyempitkan pemakaian Undang-Undang Islam dan merendahkan bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Ini bermakna setelah penempatan Residen Inggeris berlaku, di antara langkah awal pihak Inggeris ialah menubuhkan mahkamah yang ditadbir mengikut sistem pentadbiran keadilan dan kehakiman Inggeris dalam Tahun 1906 Masehi, iaitu setelah *Enakmen No. 1, Tahun 1906* diluluskan mengenai undang-undang penubuhan Mahkamah Sipil dan Kriminal yang diluluskan oleh Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>15</sup>

*Enakmen Mahkamah Sipil dan Kriminal Tahun 1906* ini kemudiannya diperbaharui melalui *Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908* yang memperuntukkan penubuhan mahkamah-mahkamah berikut:

- a. Mahkamah Residen.
- b. Mahkamah Magistrate Kelas I.
- c. Mahkamah Magistrate Kelas II.
- d. Mahkamah Magistrate Bumiputera.
- e. Mahkamah Kadi.

Struktur pentadbiran dan bidangkuasa mal dan Jinayah mahkamah-mahkamah ini juga telah dijelaskan oleh *Enakmen Mahkamah-Mahkamah No. 1 Tahun 1908*.<sup>16</sup>

Berikutan daripada penyerahan Sabah dan Sarawak kepada Kerajaan Inggeris, sistem Mahkamah Brunei dan strukturnya pun disusun semula di bawah Sarawak, North Borneo and Brunei Courts Order in Council dalam Tahun 1951. Mahkamah-mahkamah Residen dan Permohonan yang ditubuhkan melalui *Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908* dibatalkan.<sup>17</sup>

Bagi menggantikan mahkamah-mahkamah tersebut, satu mahkamah tertinggi bagi Sarawak, Sabah dan Brunei yang terdiri daripada Mahkamah Permohonan dan Mahkamah Tinggi ditubuhkan. Ini menjadikan susunan mahkamah-mahkamah pada masa itu seperti berikut:

- a. Mahkamah Agong Sarawak, Borneo Utara dan Brunei yang terdiri daripada Mahkamah Permohonan dan Mahkamah Tinggi.
- b. Mahkamah Magistrate Kelas I.
- c. Mahkamah Magistrate Kelas II.
- d. Mahkamah Magistrate Kelas III.
- e. Mahkamah Kadi.

---

<sup>15</sup> *Annual Report on the State of Brunei, 1906*, hlm. 16.

<sup>16</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, *Op. Cit.*, hlm. 79-80.

<sup>17</sup> *Ibid.*

Ini dijelaskan dalam *law of Brunei Revised Edition 1951, Cap. 6, Courts*. Mahkamah ini mengambil alih bidangkuasa Mahkamah Residen yang dihapuskan dengan adanya struktur baharu ini.<sup>18</sup>

Kedudukan Mahkamah Kadi, bidangkuasa dan strukturnya sejak dari awal penubuhannya dalam Tahun 1906 hinggalah ke Tahun 1956 tidak berubah walaupun Mahkamah-Mahkamah Sipil menerima perubahan dan kemajuan pesat dalam semua aspek, sehinggalah selepas Tahun 1956 *Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955* dikuatkuasakan dan dengan itu juga kes-kes permohonan daripada Mahkamah kadi tidak lagi didengar di Mahkamah Magistrate Kelas I yang mana Residen Inggeris sebagai hakimnya, tetapi didengar oleh Jawatankuasa Kehakiman yang bertindak sebagai Jawatankuasa Ulang Bicara dan keputusannya berkuatkuasa setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat Ugama Islam.<sup>19</sup>

Jadi kesimpulannya, ketika bermulanya campur tangan Inggeris dalam perundangan Negara Brunei “Mahkamah Kadi ini pada mulanya adalah sebahagian daripada sistem kehakiman yang tunggal di Brunei Darussalam tetapi tarafnya adalah paling rendah selepas Mahkamah Bumiputera dan Mahkamah Permohonan bagi kes-kes yang diputuskannya ialah Mahkamah Magistrate Kelas I. Penubuhannya adalah kerana adanya *petition* daripada pihak Brunei Darussalam dalam Tahun 1906. Penubuhannya juga menjadi asas kepada wujudnya dua sistem perundangan Sipil dan syarac, dan dua sistem pentadbiran keadilan dan mahkamah iaitu Mahkamah Sipil dan Mahkamah Syariah yang mana dalam Tahun 1956 ia menjadi kenyataan.<sup>20</sup>

Dengan diluluskan dan dikuatkuasakan *Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955*, maka Mahkamah Kadi telah menerima perubahan besar iaitu ia sudah tidak merupakan sebahagian daripada sistem dan struktur Mahkamah Brunei. Dengan itu juga kes-kes permohonan daripada

---

<sup>18</sup> *State of Brunei Annual Report*, 1955, hlm. 127.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 80. Lihat juga Brunei, *Akta majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi*, 1955, Penggal 77, Bab (sekseyn) 49.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 81.

Mahkamah Kadi tidak lagi didengar oleh Mahkamah Magistrate Kelas 1. Dengan ini juga maka wujudlah dua sistem perundangan iaitu Sipil dan syarac dan dua sistem pentadbiran keadilan iaitu Mahkamah Sipil terdiri daripada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Ulang Bicara dan satu lagi iaitu Mahkamah Kadi.

Dengan itu lahirlah Mahkamah Kadi yang rendah tarafnya, terhad bidangkuasanya dan menghadapi serba kekurangan dan kelemahan yang perlu diatasi dan dikemaskinikan.<sup>21</sup>

Semasa penyemakan semula *Undang-Undang Brunei (Revision Laws of Brunei)* dalam Tahun 1984, *Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955*, No. 20 telah juga turut disemak semula dan telah mengalami beberapa pindaan kecil, di samping menukar namanya kepada *Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77*. Berdasarkan kehendak akta ini struktur Mahkamah-Mahkamah Kadi telah telah dirombak dan disusun semula iaitu terdiri daripada:

- 1) Mahkamah-Mahkamah Kadi
- 2) Mahkamah Kadi Besar
- 3) Jawatankuasa Kehakiman

Mahkamah Kadi dikendalikan oleh Kadi dan Mahkamah Kadi Besar dikendalikan oleh Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar. Jawatankuasa Kehakiman dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan. Jawatankuasa Kehakiman ditubuhkan berdasarkan Bab 44 dari akta tersebut dan dianggotai oleh dua orang ahli biasa dan beberapa orang ahli tambahan.

Setiap permohonan daripada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi hendaklah dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat Ugama. Walaupun permohonan dikemukakan kepada baginda, baginda tidaklah semestinya mendengar sendiri perbicaraan permohonan itu. Baginda boleh memerintahkan perbicaraan didengar oleh Jawatankuasa Kehakiman. Walaupun Jawatankuasa Kehakiman ini atas

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 81-82.

perintah baginda boleh mendengar kes-kes ulang bicara namun keputusan muktamadnya adalah terserah kepada baginda untuk menentukannya.<sup>22</sup>

Bagi mengemaskinikan lagi Mahkamah Syariah, Brunei Darussalam telah mewujudkan *Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah)*, 1998 yang berkuatkuasa pada 1hb. Muharram 1422 Hijriah bersamaan 26hb. March 2001 Masehi yang kemudiannya disebut *Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184* dari Undang-Undang Brunei. Dalam Bab 6 akta tersebut telah menyebutkan:

- 1) Adalah dengan ini ditubuhkan Mahkamah-Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Permohonan Syariah dengan bidangkuasa, kuasa-kuasa, kewajipan dan autoriti sebagaimana yang diberi dan dikenakan oleh Perintah ini dan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain.
- 2) Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Permohonan Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negara Brunei Darussalam.
- 3) Dengan tidak menghiraukan cerai (2), Mahkamah-Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa Jinayah terhadap kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam oleh warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.<sup>23</sup>

Dengan wujudnya Bab 6 dari akta ini struktur Mahkamah Syariah menjadi berubah dan selari dengan Mahkamah Sipil. Iaitu wujud tiga peringkat mahkamah:

- a. Mahkamah Permohonan Syariah.
- b. Mahkamah Tinggi Syariah.
- c. Mahkamah Rendah Syariah.

Ini dijelaskan dalam cerai (1). Selain dari itu juga cerai tersebut menyebut tentang bidangkuasa, kuasa-kuasa, kewajipan dan autoriti mahkamah-mahkamah tersebut secara umum berdasarkan kepada yang diberi dan dikenakan oleh akta tersebut dan sebarang undang-undang bertulis yang lain. Ini bermakna

---

<sup>22</sup> Lihat Bab 49, *Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi*.

<sup>23</sup> Brunei, *Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah 1998 Penggal 184*, Bab 6.

Mahkamah Syariah tidak diberi bidangkuasa asal (secara menyeluruh). Ia terikat dengan apa yang diberi oleh akta ini dan juga undang-undang bertulis yang lain. Walaubagaimanapun secara praktiknya undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah semakin bertambah dengan wujudnya *Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, 2001* yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah mendengar permohonan dan kes-kes yang berkaitan dengan anak angkat yang melibatkan salah satu pihak beragama Islam.<sup>24</sup> Perintah ini telah dikuatkuasakan dan telah berjalan. Sebelum ini kes-kes mengenainya didengar oleh Mahkamah Sipil. Selain dari itu ialah *Perintah Pemegang Pajak Gadai 2002* yang dikenakan untuk semua orang tanpa mengira agama.<sup>25</sup> Perintah ini memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah mendengarnya dan menghalang mahkamah lain mendengarnya,<sup>26</sup> seperti juga *Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, 2001*. Ini memberi harapan yang baik kepada Mahkamah Syariah dari segi perluasan bidangkuasa. Lebih mencerahkan lagi harapan ini apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menitahkan penyatuan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sipil di bawah satu pentadbiran pada Juli 2002 iaitu dibawah jabatan baru Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri. Skim-skim perkhidmatan kedua-kedua mahkamah juga mempunyai persamaan dan diselaraskan mana-mana perkara yang belum selaras. Begitu juga tiada pertindihan bidangkuasa. Ini bermakna taraf Mahkamah Sipil dan Mahkamah Syariah adalah sama. Walaubagaimanapun dari segi pelaksanaan sistem pula ia masih dibuat secara berasingan dimana Mahkamah Sipil dengan bidangkuasanya tersendiri dan Mahkamah Syariah pula dengan bidangkuasanya sendiri.

Apabila kita perhatikan cerai (2) Bab tersebut adalah jelas ia memberi kuasa kepada semua peringkat Mahkamah Syariah mendengar dan memutuskan sesuatu kes bagi seluruh Negara Brunei Darussalam. Ini berbeza dengan peruntukan *Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 semakan 1984* Bab 45 (1) yang dikuatkuasakan sebelum ini di mana akta tersebut

---

<sup>24</sup> Brunei, *Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam*, 2001, Bab 5.

<sup>25</sup> *Ibid.*, *Perintah Pemegang Pajak Gadai*, 2002, Bab 5.

<sup>26</sup> *Ibid.*, Bab 6.

yang memberi kuasa kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melantik kadi-kadi berdasarkan kawasan-kawasan tertentu yang secara praktiknya dilantik berdasarkan daerah iaitu Kadi Daerah.<sup>27</sup>

Ceraian (3) pula memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah mendengar dan membicarakan kes-kes Jinayah syariah yang dilakukan oleh warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di luar Negara Brunei Darussalam. Ini tidak disebut dalam AKMUDMMK.

### **Perlaksanaan Undang-Undang Islam Secara Menyeluruh**

Islam adalah Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam. Ugama selain ugama Islam boleh diamalkan di mana-mana bahagian Negara Brunei Darussalam. Perkara ini sudah pun berjalan sejak Islam datang di Negara Brunei Darussalam. Begitu sistem negara yang disebut sebagai Melayu Islam Beraja sudah diamalkan di negara ini turun temurun dan sangat serasi dengan rakyat dan penduduk yang tinggal di Negara ini. Oleh kerana itu usaha pengukuhan telah dibuat melalui Perlembagaan Brunei.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam mencatatkannya dalam Bahagian (II) Perkara 3 ceraian (1), (2), (3) dan (4) seperti berikut:

- (1) Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.
- (2) Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.
- (3) Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan nasihat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.
- (4) Bagi maksud Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis Ugama Islam itu, membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.<sup>28</sup>

---

<sup>27</sup> Brunei, *Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77* semakan 1984, bab 45 (1).

<sup>28</sup> Dokumen-Dokumen Perlembagaan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. November 2008. hlm. 48.

Mengenai dengan tafsiran “Ugama Islam” itu, dalam Perlembagaan tersebut di Bahagian (I) Perkara 2 cerai (1) tercatat seperti berikut:

“Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljemaah mengikut mazhab Shafi’e”.<sup>29</sup>

### 1. Dasar Pemerintahan

Berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan tersebut Brunei terus melaksanakan serta memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jema’ah sebagai suatu cara hidup yang lengkap lagi sempurna dan menjadi dasar pentadbiran kerajaan sehingga Brunei akan kekal buat selama-lamanya menjadi Negara Melayu Islam Beraja, sebagaimana yang tercatat dalam Pemashoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1 Januari 1984.

Dalam rangka perlaksanaan perlembagaan tersebut beberapa langkah penting telah lama dilaksanakan dan terus berjalan dan dipergiatkan seperti:

- a. Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jema’ah diajarkan di sekolah dan disebarkan kepada orang ramai, dan masyara’at Islam Brunei dibimbing dan dikawal supaya mereka tidak akan diracuni oleh fahaman-fahaman yang lain dari fahaman Ahli Sunnah Wal-Jema’ah. Sekarang telah ditubuhkan satu institusi khusus bagi memperkukuh akidah umat Islam di Brunei dengan nama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah wal Jema’ah selain daripada Bahagian Penguatkuasaan Akidah.
- b. Kewujudan Majlis Ugama Islam yang mengawal semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam yang merupakan pembantu dan penasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Ugama Negara Brunei di dalam hal yang berhubung dengan ugama.
- c. Fatwa mengenai isu-isu adalah menurut mazhab Syafi’e, walaubagaimanapun dalam keadaan tertentu boleh juga memakai tiga mazhab yang lain iaitu Hanafi, Hanbali dan Maliki jika didapati perkara itu mendatangkan lebih maslahat kepada ummat Islam.

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 40 - 41



- d. Usaha Islamisasi undang-undang biasa (Sipil) giat dilaksanakan dengan mendatangkan seorang Pakar Undang-Undang Islam dari Pakistan dan kemudiannya di bantu lagi oleh seorang Pakar undang-undang Islam dari Brunei sendiri.

## 2. Perintah Qonun Hukuman Jinayah Syariah

Sejak kemasukan Islam, Sultan-Sultan Brunei telah mengembangkan Islam di Brunei Darussalam dan juga di daerah-daerah rantau ini. Mereka juga telah melaksanakan undang-undang Islam secara berperingkat-peringkat sehinggalah undang-undang Islam ini menjadi undang-undang dasar di Brunei Darussalam.<sup>30</sup>

Tetapi apabila Inggeris mulai campur tangan di dalam kerajaan Brunei Darussalam, Undang-Undang Jinayah Islam atau Syariah yang terpakai sehingga pada masa ini adalah sangat terhad hanya kepada kes-kes khalwat, zina, minum minuman memabukkan dan sebagainya yang kesemuanya berdasarkan hukuman ta'zir saja. Jinayah-Jinayah lain seperti mencuri, membunuh, merompak merogol dan sebagainya tidak termasuk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah atau tidak disebut Jinayah Syariah sehingga menimbulkan tanggapan dan fahaman bahwa Jinayah Syariah itu hanyalah khalwat, zina, meminum minuman memabukkan dan sebagainya yang disebut dalam undang-undang berkenaan. Kesalahan-kesalahan lain yang di bawah bidangkuasa Mahkamah Sipil seolah-olah tidak ada di dalam undang Jinayah Islam. Dalam konteks ini KDYMM Sultan telah menitahkan:

“Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara tua, menjadi Negara Islam semenjak dari sultan pertamanya lagi, Sultan Muhammad Syah, Tahun 1363-1402 M, sekitar sebelum 200 Tahun setelah zaman Baginda, Brunei mulai menggubal undang-undangnya sendiri yang dikenali sebagai "Hukum Qonun Brunei."

Undang-undang ini dipercayai telahpun ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, Tahun 1582-1598 M dan sempurna dilaksanakan serta dikuatkuasakan dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar, Tahun 1598-1659 dan diteruskan lagi sebagai

---

<sup>30</sup> Haji Johar bin Haji Muhamad, *Pembubaran Perkahwinan Dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 Brunei Darussalam dan Hukum Syarak*, (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), hlm. 3.

menjunjung wasiat daripada Sultan Abdul Jalilul Akbar oleh anakanda Baginda, Sultan Abdul Jalilul Jabbar Tahun 1659-1660.

Ini menunjukkan Hukum Qonun Brunei pernah menjadi undang-undang dasar kepada Brunei dalam makna undang-undang ini telah pernah berjalan dengan luasnya di Negara Brunei Darussalam sehingga sampai kepada kedatangan dan campurtangan Inggeris kemudian ini turut diakui oleh orang Inggeris sendiri yang datang ke Brunei pada 1871 M.

Apa dia kandungan Hukum Qonun Brunei itu? Menurut para pengkaji ia adalah berasaskan undang-undang Islam di samping terdapat unsur undang-undang adat Melayu. Ia terdiri daripada lebih 40 Pasal dan lebih separuh adalah mengandungi unsur-unsur Islam antaranya termasuk juga Undang-Undang Jinayah Syara'. Mengenai perkara undang-undang ini, Beta telahpun memperkenankan penubuhan sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatan kuasa menyesuaikan undang-undang Dengan Kehendak Ugama tertubuh dari Tahun 1980 lagi, sudah berlalu 30 Tahun usianya.

Di dalam satu munasabah, Beta pernah bertitah bunyinya "Dengan rasa keimanan yang bulat terdapat peraturan dan undang-undang Allah, maka Beta telah memperkenankan penubuhan mahkamah-mahkamah syariah sehingga ke tahap setinggi-tingginya, bagi menangani bukan saja pentadbiran undang-undang keluarga malahan juga di ketika yang sesuai dan munasabah akan juga mengendalikan Qonun Jinayah Islam (Islamic Criminal Act) selengkapnya, sebagaimana yang dituntut oleh Allah Ta'ala".<sup>31</sup>

Usaha awal ke arah memertabatkan undang-undang Islam secara keseluruhan ialah melalui penyesuaian undang-undang negara yang ada dengan kehendak ugama atau Hukum Syara'. Perkara ini juga telah disebut dalam titah Baginda:

"Yang Sipil saja kita sudah banyak menyesuaikan dengan kehendak ugama, lagipun bukan semua Sipil itu bertentangan dengan syara'. Mana-mana yang tidak bertentangan dengan syara' kita kekalkan ia, sementara yang bertentangan saja kita sesuaikan dengan kehendak syara'".<sup>32</sup>

Oleh kerana itu atas dasar kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi Baginda menegaskan:

"Hadir beta di Persidangan Majlis Ugama Islam pagi ini adalah selaku hamba Allah yang dilantik menjadi raja dan kepala negara serta ketua kerajaan bagi Negara Brunei Darussalam. Selaku raja, kepala negara dan

---

<sup>31</sup> Titah ketika KDYMM di Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di Dewan Majlis Mesyuarat Negara, 15 Maret 2011.

<sup>32</sup> *Ibid.*

juga ketua kerajaan Beta adalah bertanggungjawab di hadapan Allah bersama dengan para pembantu Beta dalam Negara dan dalam kerajaan. Maka atas asas inilah apa-apa jua yang akan Beta luahkan pada pagi ini adalah demi untuk mencari keredaan Allah jua, tidak ada yang lain daripada itu”.<sup>33</sup>

Lalu kemudian Baginda menjelaskan lagi apa sebenarnya yang dimaksudkan titah tersebut:

“Dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman dengan berlakunya campurtangan Inggeris dan seterusnya menjadi kuasa penaung di Brunei telah menjadikan perundangan di Brunei turut mengalami perubahan, dengan Undang-Undang Islam yang luas dan menyeluruh tadi telah disempitkan menjadi cuma tinggal Undang-Undang Mal dan Keluarga saja berbanding Mahkamah Sipil yang ditubuhkan oleh Inggeris mempunyai bidang kuasanya yang lebih luas dan natijah daripada ini Brunei sekarang telah mewarisi dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syara’ dan Sipil”.<sup>34</sup>

Dan juga Baginda mempersoalkan pula adakah memadai keadaan yang sedemikian itu:

“Bagaimanapun, bagi perundangan dan kehakiman syara’ yang ada ini, sudahkah ia memenuhi semua tuntutan syara’ mengenainya? Jika belum, persoalan kita ialah Negara ini adalah Negara Islam, rajanya juga Islam, majoriti rakyatnya Islam dan kuasa memerintah juga di tangan orang Islam.

Atas kedudukan seperti ini dari segi tuntutan syara’ apakah kita sudah boleh menganggap yang diri kita ini telah memenuhi tuntutan tersebut khasnya dalam bidang perundangan.

Apakah kita sudah boleh berpuas hati untuk menganggap bahwa kita ini telah memenuhi tuntutan syara’ sehingga tidak perlu lagi risau akan tuntutan atau dituntut atau disoal oleh Allah di kemudian hari kelak?

Dalam makna apakah kita sudah layak untuk menganggap diri kita boleh terlepas dari risiko pahit seperti yang disebut oleh Al-Quran, Firman Allah Ta’ala: Surah Al-Ma’idah Ayat 44 tafsirnya, "Barangsiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah dalam makna mengingkarinya maka mereka itu adalah orang-orang kafir."

Surah Al-Ma’idah Ayat 45 tafsirnya, "Barangsiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim."

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> *Ibid.*

Surah Al-Ma'idah Ayat 47 tafsirnya, "Barangsiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik."

Apakah kita sudah boleh berpuas hati dan yakin bahwa kita dalam kedudukan sekarang ini akan dapat terlepas daripada amaran-amaran Allah itu?

Dengan segala kejujuran terhadap Allah, kita rasanya belumlah dapat membuat pengakuan berpuas hati memandangkan kita sekarang baru memiliki akta undang-undang biasa saja tanpa belum lagi secara khusus memiliki akta undang-undang Jinayah syariah.

Tidakkah dengan kedudukan kita seperti ini kita masih saja diambang harus untuk menerima akibat buruk seperti yang disebut oleh ayat-ayat tersebut di atas kerana kita dalam perkara perundangan hanya baru masih memenuhi sebahagian saja tuntutan syara' sementara sebahagiannya lagi belum.

Walhal di sana ada peringatan Allah dalam Surah Al-Baqarah Ayat 85 tafsirnya, "Adakah patut kamu hanya akan percaya kepada sebahagian dari isi kitab Allah dan mengingkari sebahagian yang lain. Maka tiadalah balasan bagi sesiapa yang berbuat demikian itu di antara kamu melainkan hanyalah kehinaan ketika hidup di dunia jua dan pada hari kiamat pula akan ditolak ke dalam azab seksa yang sangat berat, dan ingatlah Allah sesekali tidak lalai dengan apa-apa yang kamu lakukan."<sup>35</sup>

Keseriusan Baginda dalam melaksanakan undang-undang Jinayah Islam ini semakin terserlah lagi apabila Baginda mengulangi lagi perkara tersebut pada 10 Oktober 2011 ketika mengadakan Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei dengan titahnya:

".... bahwa sejak sekian lama lagi negara telah mengguna pakai dua bentuk mahkamah tersebut dengan hanya satu tujuan iaitu untuk pengawal kemaslahatan dan cara menegakkan keadilan.

Tambahan lagi, negara juga mempunyai cara yang cantik iaitu mana-mana undang-undang Sipil yang bertentangan dengan syara' akan disesuaikan dengan kehendak syara' di samping memahami bahwa bukan semua Sipil itu bertentangan dengan syara'.

Barangkali cara ini jarang ada di mana-mana jika ia benar maka kitalah yang terulung.

Undang-undang adalah satu ilmu dan sistem yang tulen, ia amat indah dan pasti disukai apabila dipahami namun sebaliknya akan buruk dan dibenci jika tidak dipahami, seperti kedudukan undang-undang Jinayah syara' (Islamic Criminal Act) kalau orang memahaminya, ia adalah paling indah dan terbaik.

---

<sup>35</sup> Titah ketika KDYMM di Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di Dewan Majlis Mesyuarat Negara, 15 Maret 2011.

Bagaimana tidak paling indah dan terbaik sedang ia adalah datang daripada Allah Ta'ala, penciptanya ialah Allah bukan manusia".<sup>36</sup>

Baginda dengan penuh keyakinan menjelaskan tentang undang-undang Islam ini dan seterusnya mahu ianya secepatnya dilaksanakan. Titah Baginda:

"Jelas, begitu rasional mengenai undang-undang Allah ini tetapi oleh kerana orang tidak mahu memahaminya maka undang-undang itu dilihat sebagai buruk dan menakutkan. Justeru itu kita yang telah diberikan hidayah oleh Allah yang telah pun nampak dengan jelas akan keindahan undang-undang Allah itu maka janganlah berlambat-lambat lagi, rebutlah kurnia hidayah itu dengan langkah positif dan bukan ditunggu lama-lama sampai makanan jadi bangas.<sup>37</sup>

"Apakah lagi yang akan ditunggu, bangunan mahkamah sudah ada tersergam megah, orang-orang pandai pun sudah ramai dan negara juga sudah merdeka. Hendak ditunggu apa lagi. Hakim-hakim syarie sudah ramai diketuai oleh ketua hakim syarie. Mereka itu semuanya berkelulusan belaka, berbanding dengan era 50an membawa kepada 60an dahulu. Pehin-pehin Khatib pun turut jadi hakim atau pengapit hakim".

Berdasarkan titah tersebut Baginda sangat-sangat berharap supaya undang-undang tersebut diselesaikan secepatnya supaya dapat dilaksanakan.

Dalam rangka menuju ke arah merealisasikan Undang-Undang Jinayah Islam, Mahkamah Syariah telah mengambil langkah awal bagi memberi kefahaman masyara'at dengan menganjurkan Seminar Antarabangsa Perundangan Islam, pada 12-14 Oktober 2011 dengan tema Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Syariah'.

### **Penanganan Isu-isu Sosial Melalui Konsep Syariah**

Seperti yang yang dianjurkan Islam sikap baik dengan semua negara di seluruh dunia adalah menjadi dasar negara Brunei Darussalam atas asas saling menghormati dan saling membantu antara negara. Oleh kerana itu Negara Brunei Darussalam telah menyertai pelbagai pertubuhan antarabangsa dimulai daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB di mana KDYMM Sultan telah dengan jelasnya mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam adalah sebuah

---

<sup>36</sup> Titah ketika KDYMM pada Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei, 10 Oktober 2011.

<sup>37</sup> *Ibid.*

Negara Islam ketika bertitah di PBB. Setelah itu menyertai pertubuhan ASEAN, OIC dan lain-lain. Ini adalah di antara langkah bijak bagi menjalin persahabatan dan mengelakkan permusuhana dengan mana-mana negara dan sebagai satu usaha kearah keamanan yang dituntut Islam dan menjaga kepentingan agama agar tidak diganggu gugat oleh mana-mana pihak kerana dengan adanya perjanjian bagi saling menghormati akan dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara. Selain daripada itu dalam rangka menjamin kepentingan agama dan rakyat serta keamanan negara beberapa dasar dalam negeri telah dilaksanakan bagi mengatasi pelbagai masalah seperti gejala-gejala sosial isu hukuman mati.

Gejala sosial itu sendiri merupakan perkara yang menjadi masalah global. Penyalahgunaan dadah merupakan isu sosial yang sangat menakutkan kerana kesannya yang sangat buruk. Perbuatan mencuri, merompak dan membunuh tetap masih banyak berlaku. Begitu juga dalam konteks negara Islam, kesan negatif perbuatan sumbang seperti zina, khalwat, penderaan dan lain-lainnya tetap juga masih berlaku seiring dengan kemajuan yang dicapai, malah seiring dengan kesedaran beragama. Ia perlu diatasi.

Penyelesaian yang dikemukakan biasanya adalah melalui pendidikan termasuklah ceramah, jerayawara (*roadshow*) memberi kefahaman kepada golongan sasaran dan sebagainya. Selain daripada itu undang-undang yang ketat dan hukuman yang berat juga diwujudkan bagi mengatasi masalah ini.

Di Negara Brunei Darussalam perundangan bagi mengatasi penyalahgunaan dadah (narkoba) telah dikuatkuasakan sehingga membawa kepada hukuman mati ke atas pengedar dadah dengan jumlah yang tertentu. Ini bertujuan bagi mengelak atau mengurangkan kesan buruk yang lahir daripada penggunaan dadah. Ini sesuai dengan kaedah fiqh bagi menghapuskan kemudaratan *الضرار يزال* Maksudnya: *Kemudaratan mesti dihapuskan*, yang berdasarkan kepada hadith riwayat Ibn Abbas, Rasulullah Saw bersabda:

لا ضرر ولا ضرار

“Tiada mudarat dan tidak memudaratkan”.

Begitu juga dalam konteks menolak kemudaratan atau menolak kemaksiatan dengan Jinayah merusakkan akal yang perlu dijaga menurut

pandangan Islam berdasarkan penjagaan terhadap lima perkara iaitu; Ugama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh kerana itu hukuman ini dipertahankan.

Kesalahan-kesalahan lain seperti mencuri, merompak dan membunuh serta perbuatan sumbang seperti zina, khalwat, penderaan dan lain-lainnya telah dikenakan hukuman yang diperkirakan akan lebih berkesan sesuai dengan kehendak maqasid syariah, malah ketetapan daripada Allah melalui kitabNya dan sunnah baginda Rasulullah s.a.w. Ijma' dan qias. Inilah dilaksanakan Brunei melalui Perintah Qonun Hukuman Jinayah Syariah yang telah diwartakan dan akan mula dilaksanakan secara berperingkat enam bulan selepas diwartakan.

Pengharaman kemasukkan minuman memabukan telah lama dilaksanakan dalam erti tidak dibenarkan penjualan minuman memabukkan di negara Brunei Darussalam. Begitu juga tidak dibenarkan membawa masuk minuman memabukan melainkan oleh mereka yang bukan Islam dengan kadar yang terhad saja. Ini dilakukan atas dasar larangan ugama yang jelas al-Quran dan As-Sunnah.

Kelab malam tidak dibenarkan wujud di negara Brunei Darussalam. Ini juga sudah lama berjalan. Ini bertujuan bagi menutup segala pintu maksiat yang boleh wujud melalui kelab-kelab tersebut sesuai dengan kaedah fiqh:

درء المف سد مقّم على جلب المصالح

“Membendung kerosakan diutamakan daripada menarik kemaslahatan”.

Dalam konteks Premis Urut yang juga boleh membawa kepada perlakuan tidak bermoral ia tidak terlepas daripada penelitian pihak kerajaan. Kewujudan premis urut yang semakin bertambah di Negara Brunei telah dianggap boleh menimbulkan isu sosial kerana beberapa buah daripadanya telah didapati menjalankan kegiatan yang tidak bermoral. Dalam hal ini Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah mengkaji semula kebenaran premis tersebut beroperasi. Mengikut Islam berurut adalah diharuskan di dalam Islam. Tetapi oleh kerana ia telah disalah gunakan menyebabkan timbulnya isu sosial. Dalam konteks ini menghalang perbuatan tidak bermoral tersebut perlulah dilakukan sesuai dengan kaedah sadd azzaraie atau “menutup pintu-pintu dimana keburukan mungkin memasukinya” bagi mengelak berlakunya maksiat dan sebagainya

berkaitan urut ini. Walaubagaimanapun beberapa penilaian perlu dilihat seperti berikut:

1. Berurut mempunyai banyak faedah untuk kesihatan fizikal dan mental;
2. Pada dasarnya, hukum berurut adalah diharuskan kerana ia merupakan salah satu daripada proses perubatan, penyembuhan dan rawatan;
3. Walaubagaimanapun, pengharusan tersebut adalah tertakluk kepada beberapa perkara tertentu yang ditetapkan oleh hukum syara’;
4. Menjadi kewajipan kepada pihak berkenaan untuk memastikan bahwa premis-premis ini adalah bersih dari segala macam perkara negatif dan maksiat dan lain-lain yang tidak diingini;
5. Jika sekiranya premis-premis urut berlesen boleh membawa kepada wujudnya masalah-masalah sosial, maka kaedah perundangan Islam, menutup pintu-pintu dimana keburukan mungkin memasukinya;
6. Jika perkara premis urut berlesen boleh membawa kepada kemaslahatan atau kebaikan dan pada masa yang sama ia juga boleh membawa kepada keburukan dan kerosakan, maka Islam menyarankan supaya lebih dahulu diutamakan kerja menghindari keburukan atau kerosakan itu berdasarkan kaedah: menolak (menghindari) kerosakan-kerosakan itu lebih utama daripada membawa (apa jua) kemaslahatan.

Ini bermakna memang sangat perlu mengambil perhatian dalam perkara disebutkan. walaubagaimanapun jika diperhatikan isu ini, nampaknya urut dan premis urut itu bukanlah perkara yang dilarang dalam Islam. Sesuai dengan kaedah fiqh bahwa setiap sesuatu perkara muamalat itu pada asalnya adalah harus melainkan terdapat bukti keharamannya. Persoalan yang timbul apakah penyalahgunaan premis itu boleh dianggap bukti keharamannya sedangkan ia adalah perkara mendatang bukan intipati urut atau premis urut itu sendiri kerana di dalam syarat yang ada sekarang pun tidak dibenarkan berurut dalam premis yang berlesen antara yang berlawanan jenis. Jadi ia bukan intipati urut yang dibenarkan. Ia adalah penyalahgunaan lesen sama seperti penyalahgunaan lesen yang lainnya. Ia adalah kesalahan pemilik lesen atau pekerja premis tersebut. Kewujudan premis urut tidaklah sepatutnya disalahkan kerana masih banyak



premis yang menjalankannya mengikut peraturan berbanding yang menyalahgunakannya. Jika kita meniadakan premis urut dengan alasan wujudnya penyalahgunaan oleh segelintir pemiliknya atau pekerjaannya maka apa halnya dengan yang mengikut peraturan, bukankah itu bererti menghukum orang yang tidak bersalah dengan kesalahan orang lain. Ini sangat bertentangan dengan prinsip keadilan Islam.

Penyelewangan yang bersifat mendatangi dan juga peraturan yang tidak menjamin kepentingan agama boleh diatasi melalui penguatkuasaan tegas dan ketat dan mewujudkan peraturan dan undang-undang yang tegas.

Ada beberapa atau pelbagai cara menghalang atau menolak kerusakan atau kemudaratan sesuatu perkara itu. Ia bergantung kepada kemudaratan atau kerusakan yang hendak ditolak itu. Dalam konteks isu premis urut ini, kemudaratan dari pelbagai sudut termasuk dari sudut agama, kemasyaratan, ekonomi dan kesihatan terdapat dua cara yang boleh difikirkan untuk dilaksanakan:

1. Meneruskan kebenaran lesen premis urut termasuk yang sedang beroperasi dan yang baru memohon dengan memperketatkan peraturan dan mewujudkan perundangan khusus yang sesuai dengan Hukum Syara' disamping memperkemas dan memperkuat penguatkuasaan undang-undang.
2. Menutup terus premis urut sama ada secara berperingkat-peringkat atau secara sekaligus.

Dalam perkara menghalang kerusakan dan kemudaratan yang disebut di dalam kaedah fiqh itu pada dasarnya tidaklah hanya dilihat kepada kerusakan dan kemudaratan dari segi akhlak termasuk maksiat khusus seperti zina dan khalwat semata-mata, tetapi juga semua bentuk kerusakan dan kemudaratan dalam pelbagai sudut seperti dari segi kemasyaratan, ekonomi, kesihatan, politik dan apa jua perkara yang berkaitan dengan manusia dengan panduan ajaran agama. Jika sesuatu dasar itu menjejaskan keadilan dari sudut pandangan Islam ia juga menjejaskan kepentingan agama. Begitu juga dasar kesihatan, kemasyaratan dan lain-lain. Tidaklah terhad kepada yang berkaitan dengan akhlak semata-mata. Dalam isu ini nampaknya terdapat pertembungan kemudaratan jika memilih salah

satu daripada dua pilihan tersebut iaitu membenarkan lesen premis diteruskan atau ditutup.

Jika memilih yang pertama akan memungkinkan wujudnya ruang berlakunya kemudaratan akhlak. Sebaliknya jika memilih yang kedua ia akan pasti memudaratkan:

1. pemilik premis khususnya mereka yang benar-benar mengikut peraturan kerana mereka pasti akan mendapat kerugian,
2. kurang atau tidak ada lagi cara pengubatan urut yang dalam keadaan tertentu sangat berkesan,
3. pekerja-pekerja dipremis urut terutama yang benar-benar berkemahiran sama ada orang tempatan atau luar negara akan kehilangan pekerjaan,
4. pekerja pengurusan premis juga akan kehilangan pekerjaan dan
5. pemilik-pemilik bangunan yang disewa akan kehilangan penyewa.

Ini adalah antara kesan pasti yang berlaku apabila memilih pilihan kedua. Kerugian besar boleh juga berlaku kepada pemohon yang baru kerana mereka terpaksa membayar sewa dan pengubahsuaian mengikut peraturan yang dikehendaki oleh kebenaran lesen dan juga keselesaan pelanggan.

Nampaknya kemudaratan yang pasti hanya berlaku kepada pilihan cara kedua, tetapi pilihan cara pertama hanya akan berlaku kemungkinan kemudaratan bukan satu kepastian kerana peraturan dan undang-undang tidak membenarkan ianya berlaku. Jika berlaku juga premis berkenaan akan menerima akibatnya seperti pembatalan lesen dan hukuman yang ditetapkan dalam peruntukan undang-undang.

Di sinilah nampaknya lebih wajar dan munasabah untuk memilih pilihan pertama iaitu: Meneruskan kebenaran lesen premis urut termasuk yang sedang beroperasi dan yang baru memohon dengan memperketatkan peraturan dan mewujudkan perundangan khusus yang sesuai dengan Hukum Syara' disamping memperkemas dan memperkuat penguatkuasaan undang-undang.

Langkah ini dipilih menjadi dasar kerana menutup premis urut adalah lebih besar mudaratnya berbanding membenarkannya dengan syarat-syarat ketat sesuai

dengan kaedah yang artinya “Kemudaratan lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaratan lebih ringan”.

Selain itu juga kerusakan pilihan pertama itu juga hanyalah bersifat kemungkinan tetapi mudarat kedua adalah pasti. Mudarat pertama itu boleh di atasi dengan mewujudkan undang-undang khas yang menghalang berlakunya perkara tersebut dan memperkukuh penguatkuasaan, Inilah yang dilakukan pemerintah.

Demikian pula mengenai isu meniadakan hukuman mati. Pada 20 November 1959, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations General Assembly - UNGA*) telah mengambil tindakan buat pertama kali untuk meluluskan resolusi yang berkaitan dengan hukuman mati yang juga dikenali sebagai *capital punishment*. Resolusi yang bertajuk “*Study the Question of Capital Punishment*” diluluskan dengan undian 57 negara ahli menyokong; tiada menentang; dan 22 negara ahli berkecuali.

Resolusi tersebut antara lain mengundang Majlis Ekonomi dan Sosial (*Economic and Social Council-ECOSOC*)<sup>38</sup> untuk membuat kajian mengenai dengan *capital punishment*, termasuk perundangan dan amalan-amalan berkaitan dengan hukuman mati; kesan-kesan hukuman; penghapusan amalan tersebut; dan juga tahap Jinayah yang diperuntukkan bagi hukuman mati.

Sejak dari itu, beberapa perbincangan mengenai hukuman tersebut telah diadakan di Perhimpunan Agung PBB. Selain itu, perbincangan mengenainya juga diadakan di ECOSOC dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (*Commission on Human Rights-CHR*).<sup>39</sup>

Pada Tahun 1971, semasa Sesi UNGA ke-26, Perhimpunan Agung mula memperkenalkan satu resolusi bertujuan untuk menghapuskan hukuman mati. Resolusi tersebut (Resolusi 2857 (XXVI) bertajuk “*Capital Punishment*” diluluskan secara undian dengan 59 negara ahli menyokong; sebuah (1) negara menentang; dan 54 berkecuali.

---

<sup>38</sup> ECOSOC merupakan salah satu dari enam (6) “principal organs” Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertanggungjawab mengenai penyelarasan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi, social dan 14 agensi-agensi khas PBB (UN specialized agencies).

<sup>39</sup> Negara Brunei Darussalam bukan ahli kepada ECOSOC dan CHR.

Resolusi-resolusi berkaitan dengan isu ini juga diluluskan dalam badan-badan berikut:

UNGA	ECOSOC	CHR
32/61 of 8 Dec 1977	1574 (L) of 20 May 1971	1997/12 of 3 April 1997
	1656 (LII) of 1 June 1972	1999/61 of 28 April 1999

Sejak Tahun 1971, resolusi mengenai seruan bagi penghapusan hukuman mati terus diperkenalkan pada sesi-sesi UNGA yang berikutnya. Akan tetapi, semasa Sesi UNGA Ke-54 pada Tahun 1999, negara-negara ahli Kesatuan Eropah (EU) selaku penaja utama kepada resolusi tersebut, telah menarik balik resolusi berkenaan memandangkan jumlah sokongan dari negara-negara ahli PBB semakin menurun.

Semasa Sesi UNGA Ke-62 pada Tahun 2007, EU telah menukar strategi dengan memperkenalkan semula resolusi bagi menyeru negara-negara ahli PBB untuk mengadakan *moratorium* terhadap pelaksanaan hukuman mati. Ini berdasarkan kepada meningkatnya jumlah negara-negara yang mengamalkan “*self-moratorium*” dalam melaksanakan hukuman mati dan juga jumlah negara-negara yang menghapuskan hukuman tersebut.

Pada Sesi tersebut, resolusi bertajuk “*Moratorium on the Use of the Death Penalty*” telah diluluskan secara undian dengan 104 negara ahli menyokong; 54 negara ahli menentang (termasuk Negara Brunei Darussalam); dan 29 berkecuali. Resolusi tersebut antara lain:

“Calls upon all States that still maintain the death penalty:

- To respect international standards and provide safeguards guaranteeing protection of the rights of those facing death penalty, in particular the minimum standards....;
- To provide the Secretary-General with information relating to the use of capital punishment and the observance of the safeguards...;
- To progressively restrict the use of the death penalty and reduce the number of offences for which it may be imposed.; and
- Calls upon States which have abolished the death penalty not to reintroduce it.”

Resolusi dengan tajuk yang sama juga telah diluluskan semasa Sesi UNGA Ke-63 pada 2008 secara undian dengan 106 negara ahli menyokong; 46 negara ahli menentang (termasuk Negara Brunei Darussalam); dan 34 berkecuali.

Resolusi tersebut juga memutuskan bagi membincangkan perkara mengenai *Moratorium on the Use of the Death Penalty* diadakan setiap dua Tahun sekali.

Semasa Sesi UNGA Ke-65 pada Tahun 2010, resolusi yang sama telah diluluskan secara undian dengan 109 negara ahli menyokong; 41 negara ahli menentang (termasuk Negara Brunei Darussalam); dan 35 berkecuali.

Secara umumnya, mana-mana resolusi yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB tidak mengikat negara-negara ahli (*non-binding*) dari segi perlaksanaannya, akan tetapi, negara-negara ahli mempunyai tanggungjawab untuk mempertimbangkannya.

Berkenaan dengan hukuman mati, pada masa ini terdapat beberapa peruntukan dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam yang mengenakan hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan Jinayah yang serius seperti berikut:

1. Qonun Hukuman Jinayah (Penggagal 22);
2. Akta Penyalahgunaan Dadah (Penggagal 27);
3. Akta Keselamatan Dalam Negeri (Penggagal 133);
4. Akta Ketenteraman Awam (Penggagal 148);
5. Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Penggagal 149);
6. Akta Penculikan (Penggagal 164); dan
7. Perintah Anti Keganasan 2011.

Secara umumnya pendirian Brunei Darussalam adalah mengekalkan hukuman mati dalam undang-undang Negara tetapi akan meneliti semula peruntukan-peruntukan kesalahan yang membawa hukuman mati bagi kemungkinan ianya dipinda; dan memperketatkan lagi prosedur perbicaraan bagi kes yang melibatkan hukuman mati. Pendirian ini diambil dengan mengambil kira pandangan syara' terutama dari sudut keterangan yang ketat dalam perundangan Islam. Dengan kewujudan Perintah Qonun Hukuman Jinayah Syariah, 2013 pendirian Brunei Darussalam adalah semakin jelas.

## **Penutup**

Negara Brunei Darussalam adalah negara Islam yang sentiasa berusaha ke arah menghayati sepenuhnya ugama Islam dalam semua lapangan hidup termasuk

dalam keperluan bernegara dari segi politiknya, masyarakatnya, perekonomiannya, perundangannya dan sebagainya. Oleh kerana itu konsep Melayu Islam Beraja telah dikembangkan dan diperkukuhkan di mana Islam menjadi teras kekuatan di dalamnya, kemudian dilengkapi pula dengan hasrat KDYMM untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara zikir dan seterusnya menjadikan undang-undang negara berdasarkan undang-undang Islam secara keseluruhannya. Oleh kerana itu rakyat mendokong penuh hasrat dan tindakan suci Raja tersebut.

### **Bibliografi**

*Al-Qur'an dan Terjemahannya*, Edisi Revisi, Semarang: Kumudasmoro Grafindo Semarang, 1994.

*Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi*, 1955, Penggal 77, Bab (sekseyn) 49.

*Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi*.

*Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 semakan 1984*, Bab 45 (1).

*Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah 1998 Penggal 184*, Bab 6.

*Annual Report on the State of Brunei*, 1906

*Annual Report on the State of Brunei*, 1933, Cap XIII, T.F. Carey M.C.S., Singapore.

Dato Mahmud Saedon Awg Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam*, Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996.

Dokumen-Dokumen Perlembagaan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. November 2008.

Haji Johar bin Haji Muhamad, *Pembubaran Perkawinan Dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam)*, 1999 Brunei Darussalam dan Hukum Syara', Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

*Laws of Brunei 1906-1930*, E. No. 1, of 1912, S.8.

Mohd. Jamil Al-Sufri, *Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*, Brunei: Pusat Sejarah Brunei, 1996.

*Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam*, 2001, Bab 5.

*Perintah Pemegang Pajak Gadai*, 2002, Bab 5.

Pg. Hj. Mohammad bin Pg. Hj. Abd. Rahman, *Islam di Brunei Darussalam*,  
Brunei, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992.

*State of Brunei Annual Report*, 1955..

Siti Zaleha Abu Salim, “Sistem Kehakiman Brunei dan Perbandingannya dengan  
Sistem Kehakiman Islam”, Tesis sarjana Pengajian Islam, Fakulti  
Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1992.

Titah ketika KDYMM di Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di  
Dewan Majlis Mesyuarat Negara, 15 Mach 2011.

Titah ketika KDYMM pada Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei, 10  
Oktober 2011.

Yura Halim dan Jamil Omar, *Sejarah Berunai*, Brunei: t.p., 1958.